

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE  
[GOPENG]  
TARIKH : 25 OKTOBER 2017  
SOALAN : 12**

**YB Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos perbelanjaan untuk ubat (drugs) setiap tahun sejak 2009-2017.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Kementerian Kesihatan Malaysia telah membelanjakan RM2,107.61 juta untuk perolehan ubat-ubatan pada tahun 2016. Sehingga 31 Ogos 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima peruntukan ubat sebanyak RM2,028 juta iaitu 96% daripada perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2016. Sebanyak 82% (RM1,665.31 juta) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan sehingga 31 Ogos 2017. Kos perbelanjaan untuk ubat setiap tahun bermula 2009 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM JUTA)</b>	<b>PERATUS PENINGKATAN BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA (%)</b>
2009	1,402.35	-7.13
2010	1,605.54	14.48
2011	1,767.61	10.09
2012	1,983.51	12.21
2013	2,200.43	10.94
2014	2,384.64	8.37
2015	2,323.12	-2.58
2016	2,107.61	-9.28

KKM akan membuat semakan dari semasa ke semasa berkenaan keperluan peruntukan di semua fasiliti bagi memastikan bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi. KKM akan memohon peruntukan tambahan secukupnya sekiranya peruntukan sedia ada tidak mencukupi.

Kekurangan bekalan ubat-ubatan juga bergantung kepada pembekalan ubat oleh syarikat pembekal. Pemantauan bekalan daripada pembekal sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Sekiranya berlaku gangguan bekalan, langkah-langkah sewajarnya seperti mendapatkan sumber alternatif dan pengagihan semula stok di antara fasiliti KKM akan dijalankan.

Pada masa yang sama KKM juga melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan dan menjimatkan perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dengan mengkaji semula proses kerja, meningkatkan inovasi dan kreativiti serta menguruskan kewangan dengan lebih teratur tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Antara

13

langkah-langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Ubat-ubatan bagi penyakit kronik seperti diabetes dan hipertensi dibekalkan secara bulanan untuk mengurangkan risiko kerosakan ubat dalam simpanan pesakit dan mengelakkan pembaziran.
2. Bagi mengurangkan masalah kedatangan pesakit ke fasiliti kesihatan untuk mengambil ubat susulan, KKM menawarkan pembekalan ubat susulan melalui perkhidmatan tambah nilai seperti Farmasi Pandu Lalu (Drive Through), Sistem Pembekalan Ubat Bersepadu (SPUB), Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M) dan sistem farmasi temujanji yang lain. Pesakit boleh menjimatkan masa dan kos melalui perkhidmatan ini.
3. Meningkatkan kefahaman pesakit dan pematuhan terhadap arahan pengambilan ubat yang dibekalkan sewaktu pendispensan atau sesi kaunseling supaya matlamat rawatan dapat dicapai sepenuhnya.
4. Pesakit digalakkan membawa baki ubat setiap kali datang ke hospital atau klinik kesihatan sama ada untuk mendapatkan bekalan ubat susulan ataupun dimasukkan ke wad. Amalan ini dapat mengelakkan kesilapan pengubatan kerana ubat-ubatan yang dibekalkan sentiasa dipantau dan pembekalan ubat adalah mengikut keperluan pesakit sahaja.
5. Mengutamakan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan generik yang lebih murah dan ekonomik tetapi dapat memberi kesan terapeutik yang sama dengan ubat-ubatan innovator.

KKM juga akan memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan untuk penyampaian penjagaan kesihatan awam dan sentiasa memantau rapi kedudukan kewangan setiap negeri supaya agihan peruntukan ubat yang diterima selaras dengan keperluan terkini. Sehubungan itu, perolehan ubat akan dibuat berdasarkan kepada pemantauan berterusan terhadap kedudukan stok dan keperluan semasa.

15

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @  
NYALLAU ANAK BADAK  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2017 (RABU)**

**SOALAN : 13**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan kenapa pelaksanaan menaik  
taraf Jalan Ulu Skrang tidak menunjukkan sebarang  
perkembangan bila ia akan bermula.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Ulu Skrang, Lubuk Antu, Sarawak (Fasa 2) sedang dalam proses memuktamadkan pelantikan Perunding oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. JKR menjangkakan pelantikan Perunding akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada Mac 2018 dan tender bagi pelantikan kontraktor dapat dibuat selewat-lewatnya pada September 2018.